

30 MAY 1996

DANA TEROKA SOKONG PELABURAN TEKNOLOGI TINGGI M'SIA DAN AS

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Segelintir dana teroka, termasuk Tabung Teknologi Tinggi baru, akan ditubuhkan oleh sebuah bank terkemuka Malaysia untuk menyokong pelaburan teknologi tinggi di Malaysia dan Amerika Syarikat, demikian diumumkan hari ini.

Naib presiden eksekutif Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) Michael Yeoh berkata Tabung Amerika Syarikat itu juga berkemungkinan melabur di dalam Tabung Teknologi Tinggi.

Beliau berkata demikian di dalam satu kenyataan untuk mengumumkan hasil Dialog San Francisco mengenai "Perkongsian Teknologi Perniagaan Malaysia-Amerika Syarikat," yang dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Dialog itu disertai oleh 140 peniaga Malaysia dan 190 peniaga Amerika.

Yeoh berkata lawatan Perdana Menteri ke Universiti Stanford juga telah menghasilkan perikatan strategik dengan universiti itu mengenai beberapa program dan inisiatif di Malaysia.

"Universiti itu telah menyatakan minatnya di dalam menerokai kemungkinan program-program pengurusan dan teknologi di Malaysia yang akan memindahkan teknologi dan mempertingkatkan pengetahuan pengurusan rakyat Malaysia," katanya.

Tambahan lagi, ketua-ketua pegawai eksekutif (CEO) Amerika telah menjanjikan minat mereka yang berterusan di Malaysia dan memberi jaminan bahawa mereka akan terus melabur dan melabur semula di negara ini, tambah Yeoh.

Kumpulan itu, secara kolektif, telah melabur dan melabur semula kira-kira AS\$60 juta (RM150 juta) setahun di Malaysia.

"Yang lebih penting, CEO itu menyarankan agar mereka patut berbuat sesuatu untuk membetulkan cerita-cerita media yang negatif dan laporan-laporan yang negatif mengenai Malaysia yang telah muncul di dalam media Amerika Syarikat dari masa ke semasa," kata Yeoh.

Beliau berkata satu lagi hasil perbincangan dengan Majlis Amerika Syarikat-Asean adalah cadangan untuk mengemukakan satu laporan kepada kedua-dua pihak berkuasa Amerika dan Malaysia mengenai bagaimana meningkatkan pelaburan Amerika di Malaysia.

Antara CEO Amerika yang terkemuka berjumpa dengan Perdana Menteri di Washington dan San Francisco ialah pengerusi-pengerusi dan presiden-presiden dan CEO perbadanan-perbadanan utama AS seperti United Technologies Corporation, Harris Corporation, Bank of America dan Texas Instruments. -- BERNAMA

AA OS MA